

14/07/1997

Coxsackie: Laporan media asing negatif

KANGAR, Ahad - Tindakan media asing yang sengaja memberikan gambaran salah mengenai wabak Coxsackie yang melanda negara ini, boleh menjejaskan usaha kerajaan menarik pelancong ke Malaysia.

Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, berkata media asing masih melihat wabak itu berada di tahap serius dan cuba menggambarkan kelemahan negara ini dalam menanganinya.

"Perkara itu berlaku apabila ada salah lapor mengenai situasi sebenar wabak berkenaan dalam Internet yang menjadi tatapan seluruh dunia," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Perwakilan MCA Perlis di sini, hari ini.

Sebagai contoh, Chua berkata beliau dihujani pelbagai pertanyaan mengenai situasi wabak itu ketika menghadiri satu persidangan mengenai perubahan dan kesihatan di Indonesia, baru-baru ini.

Katanya, mereka melihat wabak itu sebagai terlalu serius sebagaimana yang digambarkan melalui Internet dan beliau sudah memberi gambaran sebenar mengenainya.

Chua berkata, beliau bimbang usaha murni Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang kini mempromosikan Malaysia di luar negara juga akan terjejas dengan laporan yang tidak tepat itu.

Katanya, wabak Coxsackie yang melanda negara ini kian reda dan sejak 13 hari lalu tiada kes yang membabitkan kematian dilaporkan di seluruh negara.

Sehingga ini, hanya 154 pesakit masih dirawat di hospital daripada seramai 3,799 yang dikesan menghidap penyakit itu yang sudah mengorbankan 30 kanak-kanak, semuanya di Sarawak.

Chua berkata, beliau berpuas hati dengan semangat dedikasi pakar dan doktor yang mengetuai usaha menangani wabak itu hingga keadaan kian reda.

Sementara itu, ketika merasmikan persidangan itu, Chua yang juga Naib Presiden MCA, berkata parti itu kini sedang berusaha untuk meningkatkan martabat para pemimpin wanitanya.

Lebih ramai pemimpin wanita MCA akan ditonjolkan sama ada sebagai wakil rakyat atau perwakilan dalam -majlis kerajaan tempatan.

Menjelang tahun 2005, MCA mahu satu pertiga daripada kerusi MCA dalam keanggotaan majlis-majlis kerajaan tempatan diberikan kepada pemimpin wanitanya. - Bernama

(END)